



# 1,689 graduan Usim bakal terima ijazah

11 November 2014



NILAI - Sebanyak 1,689 graduan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) bakal menerima ijazah dan diploma sempena konvokesyen ke-12 universiti itu selama dua hari pada hujung minggu ini.

Naib Canselor Usim, Prof Datuk Dr Musa Ahmad berkata, seramai 23 graduan akan menerima ijazah doktor falsafah, 88 orang (sarjana), 1,549 (sarjana muda) dan 29 orang (diploma).

Beliau berkata, majlis di Usim di sini bakal turut menyaksikan dua pelajar pascasiswazah menerima Anugerah Canselor.

Sempena majlis konvokesyen, pesta konvo akan turut diadakan selama empat hari mulai Khamis. - Bernama